



GARIS PANDUAN & PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK

Pindaan:
Mesyuarat Jawatankuasa
Perancangan Akademik
Kali Ke-206 Bil. 4/2022

GARIS PANDUAN & PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

1. TUJUAN

Kertas ini disediakan untuk mendapatkan perakuan Jawatankuasa Perancangan Akademik berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Dan Pemantauan Pembelajaran Teradun Gantian Dalam Talian.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan menyediakan panduan kepada semua staf akademik UPSI tentang proses pelaksanaan dan pemantauan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) dalam talian supaya proses ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan bersistematis.
- 2.2 Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (*Blended Learning Substitute*) merupakan pembelajaran dalam talian yang menggantikan pembelajaran secara konvensional (bersemuka) di dalam bilik kuliah. Dalam erti kata lain, sebahagian besar penyampaian (kandungan), perbincangan diadakan dalam talian dan sebahagian perjumpaan secara bersemuka.
- 2.3 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) (MEIPTA, 2019), e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs (2014), Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dasar e- Pembelajaran Negara Institusi Pengajian Tinggi (2011), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia serta Garis Panduan Pelaksanaan PdP Secara Hibrid UPSI.
- 2.4 Tujuan pelaksanaan PTG adalah untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar melalui pendekatan dalam talian dengan mereka bentuk pelbagai jenis aktiviti yang menarik dan berkesan. Ini juga selari dengan hasrat KPM, JPT dan MEIPTA yang telah menggariskannya dalam Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Teradun Gantian (Pembelajaran Dalam Talian) (2019).

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Sebuah program hanya dibenarkan melaksanakan PTG antara julat 30 - 79% sahaja.
- 3.2 Bagi pelaksanaan PTG dalam kursus, kaedah pembelajaran dalam talian secara berstruktur dalam julat 30 - 80% daripada Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time*, SLT) berdasarkan pecahan berikut:

GARIS PANDUAN & PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

Elemen	Peratus
Bahan Pembelajaran	40
Aktiviti Pembelajaran	40
Pentaksiran	20
JUMLAH	100

- 3.3 Ketiga-tiga elemen ini mempunyai hubungan secara terus dengan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) dan perlu dinyatakan dengan jelas dalam Proforma.
- 3.4 Pelaksanaan PTG dalam kursus adalah dihadkan kepada tiga minggu (minimum) hingga 11 minggu (maksimum) perkuliahan sahaja dalam sesuatu semester penuh. Ia perludilaksanakan secara teratur, bersistematik dan mempunyai dokumentasi yang betul.
- 3.5 Pelaksanaan PTG dalam program adalah seperti berikut:
 - 3.5.1 KJ akan mengenalpasti kursus yang akan melaksanakan PTG secara bersistematik dan menyatakan dengan jelas dalam surat lantikan penyelaras kursus.
 - 3.5.2 Penyelaras kursus akan menetapkan beberapa perkara pada Proforma di bahagian SLT iaitu:
 - Memilih CLO yang bersesuaian
 - Topik-topik
 - *Teaching and Learning Online (TL Online)*
 - Pemberat CLO
- 3.6 Pelaksanaan PTG dalam MyGuru:
 - 3.6.1 Ia perlu dirancang dengan baik dalam Proforma dan dikomunikasikan dengan pelajar pada minggu pertama bagi setiap semester.
 - 3.6.2 Rekod Kehadiran pelajar boleh digantikan dengan rekod penglibatan dan pencapaian pelajar melalui penglibatan aktiviti dalam talian. Rekod kehadiran perlu didokumentasikan secara sempurna bagi mana-mana tujuan yang berkaitan.
- 3.7 Kaedah Pengiraan PTG bagi kaedah pelaksanaan mengikut pemberat CLO daripada 30 hingga 80%.

GARIS PANDUAN & PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

3.7.1 Bilangan elemen berdasarkan SLT bagi PTG 30% (1 - 3 Minggu)

Komponen PTG	2 Jam Kredit (80 SLT)	3 Jam Kredit (120 SLT)	4 Jam Kredit (160 SLT)
SLT (Jam)	24 jam kredit	36 jam kredit	48 jam kredit
Bahan Pembelajaran (40%)	2-4 item	4-6 item	6-9 item
Aktiviti (40%)	2-4 item	4-6 item	6-9 item
Penaksiran (20%)	1-2 item	1-4 item	3-5 item
Jumlah Kombinasi Bil. Item (Minimum)	8 item	13 item	17 item

3.7.2 Bilangan elemen berdasarkan SLT bagi PTG 40% (1 - 5 Minggu)

Komponen PTG	2 Jam Kredit (80 SLT)	3 Jam Kredit (120 SLT)	4 Jam Kredit (160 SLT)
SLT (Jam)	32 jam kredit	48 jam kredit	64 jam kredit
Bahan Pembelajaran (40%)	3-6 item	5-8 item	8-11 item
Aktiviti (40%)	3-6 item	5-8 item	8-11 item
Penaksiran (20%)	1-3 item	2-5 item	3-7 item
Jumlah Kombinasi Bil. Item (Minimum)	11 item	17 item	22 item

3.7.3 Bilangan elemen berdasarkan SLT bagi PTG 50% (1 - 7 Minggu)

Komponen PTG	2 Jam Kredit (80 SLT)	3 Jam Kredit (120 SLT)	4 Jam Kredit (160 SLT)
SLT (Jam)	40 jam kredit	60 jam kredit	80 jam kredit
Bahan Pembelajaran (40%)	4-8 item	6-11 item	10-14 item
Aktiviti (40%)	4-8 item	6-11 item	10-14 item
Penaksiran (20%)	1-4 item	2-6 item	3-8 item
Jumlah Kombinasi Bil. Item (Minimum)	14 item	21 item	28 item

GARIS PANDUAN & PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

3.7.4 Bilangan elemen berdasarkan SLT bagi PTG 60% (1 - 8 Minggu)

Komponen PTG	2 Jam Kredit (80 SLT)	3 Jam Kredit (120 SLT)	4 Jam Kredit (160 SLT)
SLT (Jam)	48 jam kredit	43 jam kredit	96 jam kredit
Bahan Pembelajaran (40%)	5-9 item	7-13 item	15-17 item
Aktiviti (40%)	5-9 item	7-13 item	15-17 item
Penaksiran (20%)	1-5 item	2-7 item	4-9 item
Jumlah Kombinasi Bil. Item (Minimum)	16 item	25 item	34 item

3.7.5 Bilangan elemen berdasarkan SLT bagi PTG 70% (1-10 Minggu)

Komponen PTG	2 Jam Kredit (80 SLT)	3 Jam Kredit (120 SLT)	4 Jam Kredit (160 SLT)
SLT (Jam)	56 jam kredit	84 jam kredit	112 jam kredit
Bahan Pembelajaran (40%)	6-11 item	8-14 item	18-19 item
Aktiviti (40%)	6-11 item	8-14 item	18-19 item
Penaksiran (20%)	1-6 item	2-8 item	3-10 item
Jumlah Kombinasi Bil. Item (Minimum)	19 item	29 item	39 item

3.7.6 Bilangan elemen berdasarkan SLT bagi PTG 80% (1-11 Minggu)

Komponen PTG	2 Jam Kredit (80 SLT)	3 Jam Kredit (120 SLT)	4 Jam Kredit (160 SLT)
SLT	64 jam kredit	96 jam kredit	128 jam kredit
Bahan Pembelajaran (40%)	7-12 item	9-17 item	20-22 item
Aktiviti (40%)	7-12 item	9-17 item	20-22 item
Penaksiran (20%)	1-7 item	2-9 item	3-11 item
Jumlah Kombinasi Bil. Item (Minimum)	22 item	34 item	45 item

GARIS PANDUAN & PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

4. ELEMEN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN (40:40:20)

4.1 Berikut adalah perincian elemen bagi PTG:

Elemen	Perincian
Bahan Pembelajaran (40%)	<p>Penggunaan bahan pembelajaran</p> <ul style="list-style-type: none">● Rakaman video & audio & skrin● Persembahan berbentuk penceritaan● Animasi dan Perisian Web 2.0● Simulasi atau Realiti Maya, atau Realiti Luasan, atau Realiti Tergabung● Syarahan dalam/luar kelas● Kandungan interaktif● Video praktikal/ makmal● Artikel● Lain-lain yang bersesuaian
Aktiviti Pembelajaran (40%)	<p>Pelaksanaan aktiviti dalam talian menggunakan web 2.0 tool</p> <ul style="list-style-type: none">● Kahoot● Padlet● Gamifikasi● e-Forum● Peta i-Think● Aplikasi dalam talian● Simulasi● Refleksi● Kajian selidik● Perbincangan dalam talian● Lain-lain yang bersesuaian
Pentaksiran (20%)	<p>Pentaksiran dalam talian</p> <ul style="list-style-type: none">● Kuiz● Penilaian● Tugasan (Aplikasi Google)● Refleksi● Posting● e-Portfolio● Video● Aplikasi dalam talian● Lain-lain yang bersesuaian

GARIS PANDUAN & PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

5. PEMANTAUAN PTG

5.1 Pihak yang bertanggungjawab memastikan pelaksanaan PTG dijalankan dengan betul dan berkesan:

5.1.1 Ketua Jabatan

- i. Mengenalpasti kursus yang akan melaksanakan PTG di peringkat program atas persetujuan penyelaras kursus dan pensyarah.
- ii. Mengesahkan pelaksanaan PTG bagi setiap kursus di bawah jabatan masing-masingdi Proforma.
- iii. Memantau pelaksanaan PTG yang dijalankan oleh staf akademik di fakulti atau pusat akademik masing-masing di MyGuru agar sentiasa mematuhi panduan yang digariskan.
- iv. Menghantar pelaporan pencapaian pelaksanaan PTG bagi setiap semester kepada PPA.

5.1.2 PPA

- i. Memberikan taklimat atau menganjurkan dan mengkoordinasikan program latihan dalam usaha pembudayaan PTG di UPSI.
- ii. Menyediakan garis panduan untuk rujukan pemegang taruh PTG.
- iii. Memantau pelaksanaan PTG yang dijalankan oleh fakulti agar sentiasa mematuhi panduan yang digariskan. Pemantauan ini boleh dilakukan dengan bantuan penyelaras Unit Media Teknologi Pendidikan (UMTP).
- iv. Membuat pelaporan dan membentangkan hasil pelaksanaan pada setiap akhir semester pengajian di mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik (JKPA).

GARIS PANDUAN & PEMANTAUAN PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN DALAM TALIAN

6. RUJUKAN

- 6.1 Takrifan Kaedah Penyampaian Program Pengajian Tinggi Agensi Kelayakan Malaysia(MQA) (Surat Makluman Mqa Bil. 3/2018).
- 6.2 Amalan Kualiti MOOC Malaysia (2018), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 6.3 Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia (2017), Kementerian Pendidikan.
- 6.4 e-Learning Guidelines for Malaysian HEIs (2014), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 6.5 Dasar e-Pembelajaran Negara Institusi Pengajian Tinggi (2011), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 6.6 Garis Panduan Pelaksanaan PdP Secara Hibrid UPSI.